

Perpaduan dalam Perbandingan Cerpen Remaja Tulisan Nazel Hashim dan Ismail Sarbini

Zul Fadli Mohd Kamal^{1*} dan Shaiful Bahri Md Radzi¹

¹Universiti Kebangsaan Malaysia.

ABSTRAK

Sudah 62 tahun Malaysia merdeka. Rakyat hidup aman dan damai. Peristiwa hitam, 13 Mei 1969 memberi kesedaran kepada rakyat agar menghargai perpaduan yang dikehendaki. Walaupun latar belakang kaum, agama, budaya dan asal-usul berbeza, masyarakat majmuk Malaysia hidup atas dasar perpaduan yang kukuh, keunikan yang tidak dimiliki oleh mana-mana negara di dunia. Bagi mengukuhkan lagi nilai tersebut dalam kalangan remaja, Nazel Hashim dan Ismail Sarbini telah menerapkan nilai perpaduan dalam karya cerpen mereka. Nazel Hashim dan Ismail Sarbini merupakan dua penulis remaja. Mereka berdua merupakan seorang guru. Jiwa dan karakter pendidik dapat ditemukan secara jelas di dalam karya-karya mereka. Rasa tanggungjawab menjadi pencetus dan memungkinkan dalam mendidik dan memberi ilmu kepada anak bangsa. Kerencaman tema perpaduan yang tidak berfokus sering menghantui kebanyakan penulis tanah air dilihat tidak berlaku kepada mereka. Masakan tidak, mereka dari awal lagi menjadikan perpaduan sebagai isu utama dalam pembinaan cerita yang bertemakan ke arah perpaduan sebagai tema dominan yang digunakan dalam pembinaan naratif untuk membentuk nilai, jiwa, dan identiti pembaca, khusus ditujukan kepada kelompok pembaca remaja. Bentuk kepenggarangan dan gaya pembinaan naratif itu secara tidak langsung menyahut seruan kerajaan dengan cara menerapkan nilai kesepakatan dan keharmonian antara kaum dalam karya masing-masing sehingga membentuk perpaduan dalam karyanya. Tema-tema perpaduan yang berkongseian pengembagaan, penyiasatan, rakan karib dan pelbagai lagi begitu terserlah dan diimplementasikan secara bersahaja dengan menjadikan "Rukun Negara" sebagai paksi utama yang menjadi satu kekuatan untuk meletakkan mereka sebagai pelopor karya perpaduan yang unggul. Namun begitu terdapat perbezaan yang paling ketara yang dapat dilihat menerusi pengkaryaan mereka berdua. Perbezaan pengkaryaan mereka menonjolkan simbol perpaduan akan dibincangkan berdasarkan tema-tema yang mereka garapkan menerusi Rukun Negara yang kelima iaitu 'Kesopanan dan Kesusaha'an'. Menerusi Rukun Negara tersebut, perbezaan mereka mengolah cerita-cerita yang berkaitan kesopanan dan kesusaha'an itu akan dibincangkan satu persatu untuk melihat bagaimana perpaduan berjaya diwujudkan berdasarkan tema-tema tertentu untuk diterapkan dalam membentuk sahsiah para remaja.

Kata Kunci: Cerpen Remaja, Tema, Perbandingan, Perpaduan, Rukun Negara.

ABSTRACT

It's been 62 years since Malaysian independence day. People live in peace and harmony. The dark days of May 13th of 1969 has enlightened people to appreciate the unity that has been achieved over the years. Despite the racial, religion, culture and background differences, the people in Malaysia have lived together with strong unity, a unique value which is non-existent in any other countries. To enhance the value of unity among teenagers, Nazel Hashim and Ismail Sarbini embodies this value in their short stories. Nazel Hashim and Ismail Sarbini are teenage short stories author. They are also a teacher. The soul and character of an educator can be seen clearly in their works. The sense of responsibility is the driving factor in educating and transferring knowledge to the younger generations. They do not seem to be afraid of the diverse themes of unity, which haunt most local authors. This is

*Koresponden: aliibnukamal91@gmail.com

because they have been using unity as the main theme in their narrative to build value, soul and readers' identity, specifically to teenage readers. Their writing style is indirectly in line with the government's call by instilling the values of understanding and harmony among races in their own respective writings until unity is formed in their writings. The theme of unity embodied in the form of adventure, investigation and family love is prominent and implemented casually by using Rukun Negara as the main guideline, which becomes their strength, consequently putting them as the pioneer of great unity writings. However, there are differences in their writings, which can be seen through their works. Hence, this research focuses on the differences in the way different authors portray unity based on the fifth Rukun Negara – Courtesy and Morality; as the focus in creating interesting themes. In conclusion, the value of unity, which is portrayed by both authors through their short stories, is able to form teenagers' character, which leads to building good manners.

Keyword: Teenage Short Story, Harmony, Comparison, Unity, Rukun Negara.

PENGENALAN

Malaysia berdiri megah sebagai sebuah negara merdeka yang mencapai banyak kemajuan. Selama 62 tahun merdeka, rakyat yang terdiri dari berbilang bangsa dan agama berdiri teguh di belakang para pemimpin negara dan ini telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu padu dan makmur. Kemakmuran negara ditambah lagi dengan perpaduan berjaya di wujudkan antara kaum Melayu, Cina dan India. Perpaduan merupakan satu elemen yang sangat penting untuk menyatukan keseluruhan rakyat dalam negara. Penyatuan tersebut berjaya dibentuk pada awalnya sehingga salah satu percikan api yang melibatkan sentimen kaum telah berlaku dalam negara. Perbalahan besar antara kaum Melayu dan Cina menyebabkan terjadinya peristiwa berdarah atau lebih dikenali sebagai 13 Mei 1969 ekoran ketidakpuasan hati sewaktu pilihan raya umum. Penderitaan yang diterima oleh mereka yang tidak bersalah dan angka korban yang tinggi telah menggugat keamanan negara pada ketika itu. Keharmonian yang dicipta pada awalnya semuanya telah musnah, ekoran perselisihan fahaman di antara dua kaum tersebut. Keamanan negara telah dicabar dan menyebabkan rakyat hidup dalam ketakutan dan membenci di antara satu sama lain. Bagi memastikan rakyat hidup dalam keadaan normal kembali. Dua bulan selepas peristiwa tersebut, kerajaan telah berjaya mencipta satu ideologi kebangsaan atau lebih dikenali sebagai Rukun Negara. Ideologi tersebut telah menjadi satu pegangan politik baharu untuk memperbaiki dan menangani perasaan tidak puas hati antara etnik yang wujud dalam kalangan masyarakat (Mohamed Mustafa Ishak 2014).

Setelah Tanah Melayu berjaya dikawal kembali selepas peristiwa hitam tersebut, kerajaan telah bertungkus-lumus dan bekerja dengan lebih keras untuk membina semula perpaduan di antara kaum agar rakyat dapat hidup dengan aman dan damai. Pihak kerajaan sedar pada peringkat tersebut, masalah perpaduan akan terus wujud kerana kaum-kaum yang ada dalam negara masih lagi terpisah dari segi tempat tinggal, pekerjaan, pendidikan, fahaman politik, ekonomi, kepercayaan agama dan sebagainya lagi (Muhamad Ridzuan Amin 2009). Bagi membaik pulih kembali keadaan tersebut, penyatuan antara dan kesemua masalah yang melibatkan ekonomi, politik dan sosial harus dibina kembali dengan lebih teliti. Menyokong hasrat tersebut, ideologi Rukun Negara yang dibina oleh kerajaan telah menjadikan setiap rakyat Malaysia perlu sentiasa mematuhi asas-asas yang dipegang untuk mencapai keharmonian bersama. Rukun Negara yang membawa lima unsur terpenting seperti Kepercayaan Kepada Tuhan, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang dan Kesopanan dan Kesusahaannya telah berjaya menyatukan kembali rakyat dalam negara tanpa ada unsur prejudis yang melibatkan kesemua masalah utama perkauman. Penyatuan menerusi Rukun Negara berjaya dikekalkan sehingga hari ini dan berfungsi sebagai satu perlumbagaan utama dalam mewujudkan pembinaan negara bangsa. Menurut Sahidan Jaafar (2019), falsafah yang terkandung dalam lima prinsip Rukun Negara menjadi instrumen paling berkesan bagi menyatupadukan pelbagai kaum di Malaysia supaya sentiasa hidup dalam aman damai, harmoni dan bersatu padu. Oleh itu, bagi

melaksanakan perpaduan berdasarkan Rukun Negara tersebut, ramai golongan penulis terutamanya melibatkan diri untuk sama-sama membina perpaduan di antara kaum.

METODOLOGI

Data primer yang digunakan dalam kajian ini berupa teks-teks cerpen remaja oleh dua penulis iaitu Nazel Hashim dan Ismail Sarbini, manakala data sekunder berupa jurnal, buku ilmiah, bahan bertulis, bercetak dan elektronik. Kesemua data-data primer akan dikumpul dan diteliti satu persatu serta diasingkan untuk melihat sejauh mana perbezaan dua penulis ini menonjolkan simbol perpaduan dalam karya cerpen remaja dengan menggunakan Rukun Negara sebagai paksi utamanya. Perbezaan tersebut akan dibanding pula menerusi beberapa ciri antaranya ialah menerusi nilai-nilai murni. Perbandingan antara dua penulis ini juga dibuat bagi menjawab persoalan tentang mampu ataupun tidak cerpen remaja mereka membentuk sahsiah remaja. Selain menjawab persoalan tersebut, kajian ini juga akan membincangkan bentuk-bentuk perpaduan yang terdapat dalam cerpen mereka berdua

PERPADUAN DAN PERANAN MEDIA MASSA

Media massa merupakan satu jalan yang terpenting dalam menyampaikan sesuatu pesanan kepada seluruh rakyat dalam negara. Media massa juga dianggap sebagai lidah pihak kerajaan dalam menyampaikan bentuk berita, laporan, dan dasar-dasar baru. Oleh itu, peranan media massa bukan hanya sekadar menulis atau menyiarkan sesuatu tetapi ia juga perlu dikawal dan diperkuatkan lagi supaya rakyat mendapat berita yang betul atas sesuatu atau isu yang berlaku dalam negara. Media massa yang meliputi bidang penulisan merupakan bidang yang utama pada ketika itu. Penulisan melalui akhbar juga telah disusun dengan teliti agar bahan bacaan tersebut dapat membentuk pemikiran pembaca supaya dapat menerima segala dasar-dasar kerajaan yang ingin membentuk masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Segala isu-isu sensitif akan dipantau dan diambil tindakan jika terdapat sebarang gelaja yang tidak sihat dalam sesebuah media tersebut.

Ekoran media massa menjadi satu keperluan utama pada ketika itu, fokus penulisan bukan sahaja tercetus di dalam akhbar sahaja. Buku-buku dan majalah-majalah juga tidak terkecuali dalam menyebarkan ideologi baru kerajaan. Terdapat pelbagai majalah yang menjadi bahan bacaan utama masyarakat pada ketika itu seperti majalah Dewan Masyarakat, Dewan Budaya, Dewan Bahasa, Dewan Siswa, Dewan Pelajar dan pelbagai lagi. Majalah-majalah tersebut telah menjadi satu kepentingan dalam negara dalam menyorot dan menganalisis perkara-perkara penting dalam bidang sosial, ekonomi, pendidikan dan politik dalam masyarakat Malaysia serta peristiwa dan isu menarik dalam dan luar negara. Ekoran majalah-majalah tersebut mendapat tempat di setiap lapisan masyarakat, kesemua ideologi kerajaan berjaya disebarluaskan secara meluas di dalam negara.

Kepelbagaiannya jenis majalah yang muncul pada ketika itu telah menjadikan golongan sastera mula mendapat tempat. Kemunculan ramai penulis daripada latar belakang yang pelbagai telah merancakkan lagi institusi sastera dalam negara. Penulis pada ketika itu, berlumba-lumba menyahut seruan kerajaan dengan menghasilkan pelbagai jenis karya yang berbentuk perpaduan. Seruan kerajaan yang menggesa semua masyarakat harus membantu untuk bersama-sama menyempurnakan ideologi tersebut telah disambut baik oleh golongan penulis dalam negara. Sungguhpun begitu, walaupun terdapat ramai penulis yang bersaing pada ketika itu untuk menghasilkan karya yang bermutu yang berbentuk perpaduan, dua penulis yang dilihat lebih menonjol adalah Nazel Hashim dan Ismail Sarbini. Kedua penulis ini bukan sahaja pandai mengambil kesempatan tetapi mereka bijak mencari sasaran pembaca untuk menyampaikan

konsep perpaduan. Sasaran mereka berdua ini lebih memfokuskan kepada golongan remaja, berbanding dengan yang lain banyak memfokuskan untuk umum.

Oleh sebab, sasaran mereka lebih kepada golongan remaja, perkembangan sastera remaja secara tidak langsung mula berkembang sedikit demi sedikit. Menurut Othman Puteh (1984), beliau menjelaskan bahawa pertumbuhan dan perkembangan sastera remaja agak berkurangan berbanding sastera dewasa. Kesungguhan dan ketekunan penglibatan penghasilan karya sastera remaja masih lagi jauh ketinggalan dalam negara. Disebabkan kurangnya penglibatan para penulis, para pengkritik dan para sarjana mengusahakan untuk menaikkan nama sastera remaja telah menjadikannya kurang mendapat sambutan. Oleh kerana, kurangnya mereka yang terlibat dalam penulisan remaja. Nazel Hashim dan Ismail Sarbini di antara individu yang berjaya menghasilkan banyak karya untuk golongan tersebut. Mereka berdua bukan sahaja berjaya menghasilkan pelbagai karya remaja tetapi berjaya menjadi pelopor dan meletakkan karya remaja sebagai satu wadah pemikiran warisan bangsa yang berbentuk pembelajaran awal untuk golongan muda. Pemikiran tersebut amatlah bersesuaian dengan pepatah Melayu berkata ‘Jika melentur buluh biarlah dari rebung’.

Bagi memastikan ideologi perpaduan tersebut berjaya disampaikan untuk semua lapisan masyarakat, golongan muda seharusnya perlu dipelihara dan diberi tunjuk ajar yang betul supaya dewasa kelak mereka dapat memahami erti perpaduan sebenar. Disebabkan kejayaan yang dicipta oleh dua penulis tersebut mencipta karya yang membina sahsiah remaja telah menjadikan mereka berdua tidak kekok dalam penghasilan karya genre remaja. Keanehan juga turut berlaku dalam dunia sastera remaja apabila rata-rata penulis yang terlibat dalam penulisan tersebut masih lagi teraba-teraba dan masih mencari-cari makna dan konsep sebenar yang diinginkan oleh sastera remaja. Oleh itu, dapat dijelaskan di sini bahawa Nazel Hashim dan Ismail Sarbini tidak menjadikan ia satu masalah utama menghasilkan karya kepada golongan remaja. Mereka berdua dilihat sebagai individu yang sudah memahami segala bentuk karya remaja. Bukti yang dapat diberikan berdasarkan banyak penghasilan cerpen-cerpen remaja oleh mereka berdua. Karyakarya cerpen mereka yang banyak adalah bukti yang utama mereka memahami segala bentuk tema, plot, watak perwatakan, bahasa dan psikologi remaja yang inginkan dalam sastera remaja tersebut. Walaupun pada ketika itu ramai lagi penulis yang menulis untuk remaja seperti Othman Puteh, Arman Sani, Zailiani Taslim, Zam Ismail, Sharifah Hasnah dan ramai lagi (Abdul Ahmad 1992). Nazel Hashim dan Ismail Sarbini lebih lagi menyerlah dalam menghasilkan karya untuk remaja. Mereka berdua dianggap lebih menyerlah adalah disebabkan latar belakangan mereka seorang guru yang mana lebih memahami fahaman dan keinginan para remaja. Disebabkan mereka berdua ini berjaya menguasai segala bentuk dan ciri sastera remaja. Perbandingan antara mereka akan dilakukan berdasarkan teori perbandingan. Perbandingan tersebut dibuat berdasarkan tema-tema cerita mereka yang terdapat di dalam Rukun Negara kelima iaitu ‘Kesopanan dan Kesusilaan’. Berdasarkan teori tersebut, tema-tema seperti pengembaraan, penyiasatan, rakan sebaya, jiran tetangga dan pelbagai lagi akan dibincangkan untuk melihat perbezaan mereka menyampaikan konsep kesopanan dan kesusilaan.

CERPEN PERPADUAN

Cerpen atau cerita pendek merupakan satu genre kesusasteraan yang popular dalam perkembangan kesusasteraan Melayu moden di tanah air. Cerpen merupakan di antara genre yang cukup padat dalam penyampaian amanat, buah fikiran, visi dan tafsiran terhadap sesuatu benda (Ramli Isin 2003). Sesbuah pengkaryaan yang dicipta mempunyai motifnya tersendiri. Motif yang terdapat di dalam sesebuah karya adalah untuk menyampaikan sesuatu pesanan atau pengajaran. Disebabkan motifnya ke arah membentuk sesuatu yang baik, cerpen remaja telah menjadi satu wadah terpenting dalam keperluan harian para remaja. Segala tuntutan seperti pembentukan sahsiah, kerohanian, pengisian minda dan pemantapan psikologi merupakan satu keperluan yang perlu dijaga dengan rapi. Maka dari itu, cerpen remaja dilihat sebagai satu cabang

yang perlu diperkuuhkan bagi memenuhi fungsinya yang bukan sekadar untuk berhibur sahaja tetapi digunakan sebagai bahan pendidikan (Abdul Ahmad 1991). Sebagai penulis isu merupakan satu tuntutan yang paling utama dalam menghasilkan sesebuah karya. Sesuatu isu yang menarik akan mampu mempertahankan karya masing-masing kekal sebagai karya yang hebat. Karya yang hebat mampu bertahan sekian lamanya walaupun peralihan zaman berlaku. Sungguhpun negara itu semakin maju ke hadapan, jika isu yang disampaikan di dalam sesebuah karya itu masih relevan dan diguna pakai oleh setiap genap lapisan masyarakat, akan menjadikan karya seseorang itu sentiasa dikenang walaupun sudah berzaman lamanya.

Perbincangan mengenai sesebuah isu sudah pasti sangat berat jika ingin difikirkan oleh seseorang penulis. Jika tiada isu yang menarik sudah pasti pengarang tidak akan mampu menulis dengan sempurna. Pemilihan sesebuah isu telah menjadikan penulis Nazel Hashim dan Ismail Sarbini di antara penulis yang hebat mencari isu sehingga karya-karya mereka masih lagi relevan diguna pakai untuk tujuan pendidikan sehingga hari ini. Isu perpaduan merupakan isu yang berjaya dua orang penulis cipta di dalam karya masing-masing. Isu perpaduan merupakan permasalahan utama di dalam kajian ini. Permasalahan tersebut telah menjadikan Nazel Hashim dan Ismail Sarbini sebagai jawapan untuk menyelesaikan isu perpaduan dalam negara. Ciptaan mereka terhadap cerpen remaja yang bertemakan perpaduan telah berjaya menghasilkan banyak cerpen yang mempunyai nilai kebangsaan yang tinggi. Tambahan pula, kedua orang penulis ini mampu mencari sesebuah isu yang besar adalah kerana latar pendidikannya yang tinggi berbanding dengan penulis lain sezaman mereka berdua. Ditambah pula dengan cara hidup dan suasana dalam masyarakat yang lebih majmuk dan perluahan tema yang pelbagai terutamanya perpaduan telah membuat hasil persembahan cerpen mereka sungguh mempersonakan. Sungguhpun mereka berdua mampu mencari isu perpaduan untuk menulis, Nazel Hashim dan Ismail Sarbini dilihat mempunyai kelainannya tersendiri dalam menghasilkan karya. Kelainan atau perbezaan yang dapat dilihat antara dua ini adalah melalui tema cerita mereka yang mempunyai pelbagai corak.

Berdasarkan isu perpaduan tersebut, penulis menjelaskan bahawa konsep pendidikan yang sewajarnya harus diberikan kepada golongan muda supaya jiwa dan fahaman mereka tidak tercemar oleh anasir-anasir jahat. Mereka berdua telah bertungkus-lumus menghasilkan karya cerpen remaja yang berunsurkan perpaduan untuk memastikan golongan muda mendapat pendidikan terbaik. Unsur perpaduan tersebut telah berjaya digarapkan oleh mereka berdua dan perbezaan mereka berdua pula akan diukur sejauh mana elemen-elemen perpaduan tersebut dilaksanakan di dalam tema-tema cerpen mereka berdua sama ada sampai ataupun tidak pembelajarannya. Walaupun cara mereka berbeza dalam berkarya, fokus utama mereka sama sahaja iaitu ingin menyampaikan pesanan dan pengajaran kepada golongan remaja. Cerita-cerita yang bersifat nilai kehidupan yang berteraskan kepada tradisi dan semangat kebangsaan telah dihuraikan dalam setiap cerita yang disampaikan. Seruan kerajaan yang mewujudkan dasar perpaduan antara kaum telah diguna pakai oleh penulis demi menghasilkan karya yang berlandaskan seruan kerajaan yang inginkan muhibah antara kaum berlaku. Oleh itu, penggunaan Rukun Negara sebagai paksi utama menghasilkan cerpen remaja telah berjaya menjadikan isu perpaduan sebagai satu isu yang penting bagi pembangunan negara bangsa.

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Menerusi prinsip yang kelima dalam Rukun Negara, prinsip tersebut menuntut agar rakyat Malaysia bersopan dan bertatasusila. Kesopanan dan kesusilaan merupakan salah satu bentuk nilai-nilai murni yang perlu diterapkan ke dalam diri masyarakat. Penerapan nilai-nilai murni tersebut melambangkan keperibadian seseorang individu. Segala tindak tanduk berkaitan keharmonian atau kenegaraan merupakan satu bidang ilmu yang penting dalam membina pengetahuan dan memupuk semangat negara bangsa di kalangan remaja (pelajar). Oleh itu, mata

pelajaran yang berkait rapat kenegaraan perlu diajar dari awal lagi supaya mereka lebih awal lagi terdedah dengan benda-benda positif yang berkait rapat dengan kaum. Mata pelajaran tersebut bukan sahaja perlu belajar di dalam buku-buku ilmiah sahaja tetapi pembelajaran melalui karya-karya kreatif seharusnya berlaku dan terjadi supaya golongan muda di Malaysia berpengetahuan tentang adab, budaya dan hubungan antara kaum (Chin Yee Mun 2006). Ringkasnya, pengetahuan yang terbina melalui pembelajaran kenegaraan akan membantu pelajar memahami, menghayati dan bertindak sebagai seorang insan yang berguna untuk negara. Justeru itu, pengetahuan yang berhubung dengan kenegaraan akan membantu mewujudkan satu persepsi yang positif di kalangan pelajar.

Oleh kerana itu, bagi memupuk semangat perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia, strategi pembinaan sahsiah tersebut telah berjaya ditemukan dan diwujudkan dalam karya cerpen Nazel Hashim dan Ismail Sarbini. Menerusi karya cerpen tersebut, dua penulis menggambarkan bagaimana terjadinya perpaduan di antara masyarakat. Perpaduan yang digambarkan turut menyelit kisah-kisah tentang kumpulan remaja. Kumpulan tersebut yang mempunyai ciri-ciri remaja yang berkawan rapat antara kaum Melayu, Cina dan India telah dibina oleh mereka berdua. Berdasarkan kumpulan tersebut cerita-cerita seperti penyiasatan, pengembaraan, kekeluargaan, kemasyarakatan dan lain-lain lagi telah diutarakan untuk menampakkan lagi ciri perpaduan dan nilai murni dalam cerpen mereka. Selain daripada kumpulan anak remaja, kumpulan orang dewasa juga termasuk sebagai salah satu inisiatif untuk menunjukkan perpaduan terjalin. Berikut merupakan di antara perbezaan tema-tema dua penulis menyampaikan cerita-cerita yang berkaitan kesopanan dan kesusilaan.

Tema Penyiasatan

Tema penyiasatan merupakan di antara tema yang paling popular dalam kalangan remaja. Tema tersebut mampu menarik minat para remaja untuk membaca sesbuah cerita. Cerita-cerita berbentuk penyiasatan kebanyakannya mempunyai tajuk-tajuk yang menarik seperti 'Misteri Pulau Berhantu', 'Di Pulau Pusaka', 'Misteri Lelaki Putih' dan pelbagai lagi merupakan di antara siri-siri yang popular dalam kalangan pelajar sekolah sekitar tahun 70-90 an dahulu. Kisah-kisah sebegini banyak memberi kesan yang mendalam terhadap para pembaca yang membacanya. Disajikan dengan cerita-cerita remaja sekolah yang berkawan rapat antara kaum Melayu, Cina dan India bersama-sama menyelesaikan sesbuah misteri atau masalah adalah fokus utama setiap penulis untuk menyampaikan perpaduan tercetus dalam kalangan masyarakat setempat. Perpaduan yang digambarkan dalam cerita-cerita penyiasatan tersebut secara tidak langsung akan memberi pendedahan dan pembelajaran untuk para remaja membuang sikap prejedis di antara kaum. Jika mereka diterapkan nilai yang baik sejak awal lagi, besar kemungkinan sikap benci antara kaum akan dapat dielakkan malah mungkin akan dapat dihapuskan dalam diri masing-masing sampai bila-bila. Nilai tersebut termasuk di dalam Rukun Negara kelima yang berkaitan kesopanan dan kesusilaan. Oleh itu, pendekatan tema sebegini telah berjaya dihasilkan oleh Nazel Hashim dan Ismail Sarbini. Mereka berdua banyak menghasilkan cerita-cerita yang bertemakan penyiasatan cumanya perbezaan mereka berdua menghasilkan cerita sebegini dilihat sedikit berbeza menerusi plot cerita, watak-watak dan pengajarannya. Sebagai contohnya dapat dilihat di bawah:

...Mereka berempat sedang membuat rancangan untuk mengekori dua orang yang telah berpakat mahu pergi ke pulau di hadapan Pelabuhan Kelang. Balvir yang sebenarnya telah mendapat rahsia itu. Ketika itu dia sedang duduk di tepi jeti menunggu teman-temannya datang apabila kedua-dua orang muda itu, seorang India dan seorang Melayu, berhenti di hadapannya... Yalah, Balvir. Aku nampak berat sangat beg-beg yang mereka jinjit," kata Kang Cun."boleh jadi itu bekal mereka. Tentu mereka baru pulang bekerja di kapal di pelabuhan." Rajalingam melawan perasaannya. kata Balvir...Rajalingam dan Kang Cun menghela nafas panjang. Jantung mereka terus berdegup kencang. Mereka berasa kesal kerana gagal menahan bot itu daripada meninggalkan pantai, dan mengenangkan nasib malang Latip dan Balvir."Kita Cuma ada satu jalan saja lagi," terang Kang Cun."Apa dia?" tanya rajalingam."Beritahu polis segera." "Aku tak

setuju," bantah Rajalingam. Dia geram melihat kekerasan orang yang menahan teman-temannya itu.... "Polis!" Dada mereka berasa lapang. Beberapa minit kemudian kawasan itu telah dikepung oleh pasukan polis. Sementara di laut, polis marin segera diberitahu untuk memburu bot yang mereka syak ada kaitan dengan kerja menyeludup, terutama dada dari kapal-kapal dagang...

"Misteri Di Pelabuhan (1979) Oleh Nazel Hashim"

Cerita tersebut mengisahkan tentang sekumpulan penyiasat remaja yang berjaya menyelesaikan kes berkaitan undang-undang dan kesalahan membuat penyeludupan haram. Gambaran penulis menggunakan watak remaja yang berumur sebaya dan berbagai-bagai bangsa merupakan simbol perpaduan yang ingin ditunjukkan. Menurut Nasir Ramli (1996), perpaduan yang dinyatakan juga termasuk dalam ciri-ciri aspek kepimpinan antara kaum. Aspek kepimpinan tersebut berlaku di mana bimbingan, mengetuai dan mengepalai sesbuah misi telah dibuat antara tiga bangsa tersebut. Kepimpinan tersebut jelas dipaparkan melalui watak Balvir yang mula-mula dapat mengesan akan sesuatu pelik terjadi, dan maklumat tersebut telah diberikan kepada rakan-rakannya yang lain iaitu Kang Chung, Rajalingam dan Latip. Perbuatan tersebut adalah satu proses mereka berkerjasama untuk menyiasat perkara sebenar berlaku, dan penyiasatan mereka tersebut membawa hasil apabila mereka mengetahui kes penyeludupan berlaku. Berdasarkan cerita tersebut, Nazel Hashim telah mengolah cerita dengan menjadikan remaja sebagai hero yang bertanggungjawab dan membantu pihak berkuasa menyelesaikan isu tersebut. Sifat tersebut merupakan satu kesedaran daripada golongan remaja tentang tanggungjawab untuk sama-sama membanteras segala kegiatan haram supaya dapat menanamkan semangat cinta akan negara daripada belenggu jenayah. Tanggungjawab sesama umur tersebut akan mengundang sifat perpaduan muncul di kalangan masyarakat setempat untuk tampil bersama-sama menjaga keharmonian. Tanggungjawab tersebut merupakan satu bentuk kejayaan Nazel Hashim membawa nilai kesopanan dan kesusilaan dalam karyanya sehingga mampu membentuk pemikiran remaja mengenai undang-undang dalam negara.

Berbeza pula dengan Ismail Sarbini menerusi cerita yang bertajuk Kasih Alam yang mana penulis menggambarkan penyiasatan berlaku dalam kalangan remaja berbangsa Melayu sahaja. Gambaran tentang kumpulan remaja Melayu yang digambarkan oleh beliau adalah untuk menjelaskan tentang pergaulan bangsa Melayu dalam kalangan masyarakat setempat. Aspek perpaduan yang dinyatakan di sini adalah untuk menunjukkan komuniti Melayu sentiasa bersama-sama menjaga kepentingan mereka. Kepentingan tersebut adalah satu cara untuk mengajar dan memberi pendedahan kepada pembaca remaja bahwasanya sebagai rakyat Malaysia, kita perlu sama-sama membina hubungan sesama bangsa atau berlainan bangsa. Kelainan yang dibawa oleh Ismail Sarbini ini adalah bukti beliau berjaya menanamkan sikap kesopanan dan kesusilaan sesama bangsa. Cara beliau mengolah sedikit berbeza dengan Nazel Hashim yang mana beliau menggunakan watak bangsa Melayu sahaja untuk menunjukkan sikap dan teladan yang ada dalam diri bangsa Melayu. Berikut merupakan contoh petikan cerpen yang bertemakan penyiasatan oleh Ismail Sarbini;

"Eh, mengapa air sungai ini keruh?" soal Azmin tiba-tiba. Manan dan Azman turut memerhatikan air sungai yang keruh itu. Razali pula sedang berusaha mengambil gambar dua ekor onyet di atas pokok. "Air keruh ni dari arah hulu," kata Manan sambil menunjukkan ke arah timur. "Di tempat Karim mandi tadi air sungguh jernih." "Apa agaknya punca air ini keruh?" soal Azman. "Kita siasat. Mari ikut aku," ajak Manan lalu meredah lorong kecil menuju ke sebelah timur. "Ada Lori tangki," ujar Manan sambil menunjukkan lori itu kelihatan kerana terlindung oleh daun-daun pokok... "Mungkin lori itu membuang sisa kimia dari kilang. Sama seperti dalam berita yang kita baca tadi, Azmi," ujar Azman. "Kalau begitu, kita tidak boleh biarkan," ujar Azmin... "Nak ke mana sekarang?" soal Razali. "Ke rumahku. Kita minta tolong ayahku membuat laporan di balai polis, jawab Azman. Tiga hari selepas itu, anggota polis dan pegawai Jabatan Alam Sekitar berjaya menangkap dua orang lelaki. Mereka ditangkap ketika sedang membuang sisa bahan kimia ke dalam sungai. Berita itu tersiar dalam sebuah akhbar harian..."

"Kasih Alam 1996 oleh Ismail Sarbini"

Berdasarkan dua petikan di atas tema penyiasatan yang digalur oleh dua penulis tersebut menjelaskan bahawasanya mereka berbeza dalam mencipta cerita remaja menyelesaikan sesebuah misteri. Nazel Hashim dilihat mempunyai plot cerita yang agak mendebaran berbanding Ismail Sarbini yang lebih santai. Aksi yang mendebaran dan berkaitan dengan masalah penyeludupan adalah satu bentuk undang-undang kesalahan yang cuba dinyatakan oleh Nazel Hashim dan Ismail Sarbini pula cuba menjelaskan tentang kesalahan undang-undang alam sekitar dalam kalangan remaja. Perbandingan antara dua penulis ini juga dapat dijelaskan bahawasanya sesebuah karya menurut George Woodberry (1903) dalam Hamdan Yahya (1994) sesebuah kajian perbandingan seharusnya mempunyai elemen kritikan dalam sastera. Elemen tersebut jelas menunjukkan perbezaan dua penulis ini mengkritik isu undang-undang jenayah yang ada dalam negara. Perbandingan tersebut amat bersesuaian untuk membandingkan dua penulis remaja mengkritik isu-isu semasa.

Tema Alam Persekolahan

Tema alam persekolahan merupakan satu bentuk tema yang sering digunakan oleh rata-rata penulis dalam genre remaja. Alam persekolahan kebiasaannya digambarkan tentang masalah yang sering berlaku dalam kalangan pelajar. Punca pergaduhan, punca ketidakpuasan hati, dan masalah disiplin pelajar adalah di antara isu yang sering dibincangkan. Bagi menjelaskan perbandingan menerusi tema ini, cerita mengenai masalah pelajar akan membincangkan bagaimana penulis menjadikan watak guru sebagai hero atau penyelamat kepada mereka yang mempunyai masalah disiplin atau lain-lain masalah. Bagi menjelaskan perbandingan ini menurut Owen Aldridge (1969) skop kesusteraan bandingan atau perbandingan sesebuah karya harus meliputi pada tema sastera yang memberi pendedahan manusia dan idea-idea abstrak yang dipancarkan melalui dalam pelbagai bentuk. Bentuk yang mungkin boleh dikaitkan di sini adalah berkaitan dengan seorang pencipta atau penulis mendapat sesebuah tema penulisan berdasarkan daripada masyarakat setempatnya. Cetusan idea tersebut akan melihat kepada beberapa perbezaan dalam perbincangannya. Oleh itu berdasarkan tema ini, nilai tanggungjawab sosial merupakan fokus utama penulis mengambarkan suasana sebenar yang terjadi di alam persekolahan. Masalah tanggungjawab sosial merupakan identiti kesopanan dan kesusilaan yang berjaya diterapkan oleh mereka berdua. Konsep tanggungjawab sosial yang di kemukakan oleh mereka berdua jelas menunjukkan sikap itu penting untuk diri dan masyarakat. Tanpa tanggungjawab sosial, kemungkinan besar masyarakat tidak akan dapat hidup dalam keadaan berdisiplin dan untuk memastikan konsep tanggungjawab itu berjaya di sampaikan kepada golongan remaja, proses pembelajaran pada satu tempat atau satu bumbung seperti sekolah harus dilakukan supaya dapat menyemai semangat muhibah di kalangan mereka. Perkara ini sangat penting supaya dewasa nanti mereka dapat membawa kecemerlangan dalam negara. Sebagai contohnya menerusi cerpen Nazel Hashim yang bertajuk kembali ‘Kembali Jalan Yang Benar’;

...Sejak keluar dari universiti, sudah tiga tahun Cikgu David mengajar di sekolah itu. Walaupun dia seorang yang berketurunan India beragama Kristian, tetapi dia memahami jiwa orang-orang Melayu. Tambahan pula pergaulannya hari-hari boleh dikatakan dengan orang-orang Melayu sahaja. Dia tidak terus marah-marah pada Firdaus. Tentu ada sesuatu yang menyebabkan dia berkelakuan begitu, fikirannya. Cikgu David menunggu masa yang baik untuk cuba menemui Firdaus... Dia menghampiri Firdaus yang kini baharu sedar bahawa loceng rehat sudah berbunyi. Tetapi dia masih tidak gopah-gopoh menutup buku. Cikgu David menepuk-nepuk belakang Firdaus... “Awak sakit?” tanya Cikgu David lagi. “Kalau sakit boleh saya hantar ke hospital.” ...

“Kembali Ke Jalan Yang Benar 1981 Oleh Nazel Hashim”

Berdasarkan cerpen di atas, Nazel Hashim menampakkan bentuk kumpulan guru yang berbangsa India bersama-sama mengambil berat akan masalah yang berlaku dalam kalangan pelajarnya. Menerusi watak cikgu David pada awalnya bertanyakan masalah pelajarnya di dalam kelas

dengan baik dan lemah lembut adalah bukti dia seorang yang mempunyai tanggungjawab sosial yang tinggi dengan pelajar di sekelilingnya. Tanggungjawab yang digambarkan oleh penulis tentang soal perkauman telah diolah dengan baik oleh watak seorang guru India yang tidak memilih untuk membantu mana-mana pelajarnya. Sikap yang tanpa prejedisnya dinyatakan lagi apabila beliau seorang guru yang memahami sikap orang-orang Melayu dan keselesaannya beliau dengan kaum Melayu di sekelilingnya. Keindahan tingkah laku tersebut adalah cara penulis menaikkan nama bangsa India yang hidup dalam kalangan masyarakat Melayu yang sememangnya tidak mempunyai apa-apa masalah. Berbeza pula dengan Ismail Sarbini menerusi cerpennya bertajuk 'Melangkah Ke Jalan Damai' yang menggunakan kumpulan remaja untuk menampakkan identiti perpaduan dalam cerpennya itu. Kisah yang digambarkan adalah tentang kemelut yang terjadi di antara pelajar Melayu, Cina dan India di sekolah. Kemelut tercetus apabila watak Malek yang merupakan watak yang sering mengejek dan membuli Tick Lee dan Hariharan. Keadaan tersebut diwujudkan oleh penulis untuk menunjukkan bahawa perkara sebegitu tidak seharusnya terjadi dan kenakalan remaja pada peringkat itu sudah menjadi kebiasaan dalam kehidupan harian untuk membesar (B. Simandjuntak 1979). Sikap sebegitu telah menggambarkan bahawa permusuhan antara kaum boleh tercetus apabila mereka bergaduh sejak dari kecil lagi. Sikap dendam dan rasa tidak puas hati itu berjaya dijernihkan oleh guru mereka. Kejayaan watak guru berbangsa Melayu yang menggabungkan dan mengembalikan keadaan supaya jernih kembali menerusi kerjasama dalam satu pasukan untuk pertandingan sukan adalah salah satu cara yang terbaik untuk mereka semua kembali berkawan. Pada awalnya watak Tick Lee tidak begitu setuju untuk sama-sama bergabung dengan Malek dalam satu lumba lari, disebabkan cikgu Lani pandai dan bijak mengatur langkah dengan menceritakan tentang keburukan bergaduh sesama sendiri tidak akan membawa apa-apa hasil sebaliknya jika mereka bergabung bersama-sama kekuatan akan berjaya dibentuk dan hasilnya lebih indah jika bangsa lain sama-sama berdiri sama tinggi. Disebabkan perbuatan guru mereka tersebut, watak Malek dan Tick Lee mula mengalah dan mereka mula berjabat tangan tanda setuju perdamaian dan diikuti keceriaan oleh rakan-rakan mereka yang lain dengan tindakan tersebut. Melayu watak cikgu Lani berjaya memulih keadaan tersebut, perpaduan yang digambarkan tercetus apabila mereka tidak lagi bermusuhan di antara satu sama lain. Contoh petikannya;

...Siapa Zirafah? Aku tak suka kau panggil aku dengan nama itu, tau!" kata Tan Tick Lee sambil berdiri bercekak pinggang di depan Malek... "Jangan Bergaduh!" Kamal menerpa untuk meleraikan pertengkaran itu... "Aku mesti beri amaran pada Malek," ujar Tan Tick Lee. Dia kelihatan marah. "Betul, Tick Lee. Malek 'tu badannya saja kecil tapi suka mengejek orang," sahut Hariharan. "Dulu dia panggil aku kuali hitam sebab aku hitam." ... Pemilihan peserta untuk mewakili Rumah Jebat berjalan lancar sehingga selesai pada pukul 10.45 pagi. "Saya mahu Razak, Mohan, Tan Tick Lee, Malek dan Hariharan tunggu di sini. Yang lain boleh balik," kata cikgu Lani... "Kamu berlima telah saya pilih mewakili Rumah Jebat dalam acara lari berganti-ganti," ujar cikgu Lani. "Saya pilih lima sebab satu jadi simpanan..." "Oh ya, baru saya teringat cerita cikgu Hamidah," ujar Cikgu Lani sambil tersenyum." Saya tau selama ini kamu dan Malek selalu berselisih faham. Lupakan saja segala yang telah berlaku itu" ... "Kamu mesti bersatu supaya menjadi kuat. Kalau kamu asyik bertengkar, asyik bergaduh, kamu akan lemah. Tentu kamu pernah mendengar peribahasa yang berbunyi bersatu kita teguh, bercerai kita roboh, bukan? Tanya cikgu Lani... "Tick Lee dan Malek, saya mahu kamu berdua lupakan saja perselihan yang sudah-sudah. Mulai sekarang kamu jadi rakan sepasukan yang mesti saling bantu-membantu di antara satu sama lain," kata Cikgu Lani lalu memegang tangan Malek dan Tan Tick Lee. Dia menyuruh kedua-duanya bersalaman. Hariharan, Mohan dan Razak bertepuk tangan apabila melihat Tan Tick Lee dan Malek berjabat tangan begitu erat. Cikgu Lani tersenyum lebar...

"Melangkah Ke Jalan Damai 1989 Oleh Ismail Sarbini"

Dua perbezaan cerita tersebut dapat dijelaskan bahawasanya Nazel Hashim menggunakan watak guru India sebagai hero penyelamat murid yang berbangsa Melayu, manakala Ismail Sarbini pula menggunakan watak guru Melayu menyelamatkan pelajarnya berbangsa Melayu, Cina dan India daripada terus bermusuhan di antara satu sama lain. Perbezaan ini digambarkan cara penulis

mengangkat guru-guru disekolah-sekolah kebangsaan menanamkan sikap perpaduan supaya remaja lebih memahami bahawasanya guru dan pelajar seharusnya bersama-sama menjaga nilai moral kehidupan untuk membentuk nilai perpaduan dalam diri masing-masing.

Tema Kejiranian

Kejiranian merupakan batu asas pembentukan perpaduan di antara kaum. Konsep kejiranian merupakan di antara tema yang sering kali dibincangkan oleh dua orang penulis ini. Cerita yang bertemakan kejiranian adalah salah satu cara yang terbaik untuk mengajar para remaja erti kehidupan bermasyarakat berbilang kaum. Kejiranian yang diikuti oleh pelbagai kaum akan menanam sikap hormat-menghormati antara satu sama lain. Sikap hormat-menghormati merupakan antara sikap yang perlu ada jika hidup dalam keadaan masyarakat majmuk. Sikap tersebut penting bagi menghilangkan perasaan prejudis di antara kaum. Sungguhpun begitu, sikap hormat-menghormati bukan sahaja perlu dilakukan di antara kaum, tetapi perlu dilakukan sesama keluarga atau orang yang lebih tua. Sikap ini telah ditekankan oleh kedua orang penulis untuk menunjukkan perpaduan mampu dicapai jika sikap hormat-menghormati berjaya diterap ke dalam diri masyarakat. Sikap hormat-menghormati juga di antara pengurusan masalah sosial yang penting dalam merangkumi fenomena sosiobudaya masyarakat setempat sama ada di bandar atau luar bandar. Nilai tersebut juga berkaitan dengan nilai perpaduan yang sebenarnya cukup meluas jika ingin diajar dan ditunjukkan. Perpaduan boleh disampaikan melalui pelbagai jenis bentuk cerita dan tidak semestinya hanya perlakuan antara kaum-kaum lain sahaja. Bagi melahirkan nilai perpaduan yang bersifat sosial yang pelbagai, sekeliling seharusnya diajar dalam bentuk nilai murni yang berkaitan sosial masyarakat. Sebagai contohnya, cerpen Nazel Hashim yang bertajuk 'Hati Yang Luhur':

"Entahlah, Akob budak-budak sekarang ni, aku tak tahu nak kata" "yalah, dulu susah, sekarang dan senang sampai tak pernah jenguk-jengk muka ke kampung. Konon banyak kerjalah, sampai tak ada masa nak ambil cuti." ... Pak Akob tidak amat tidak senang hati terhadap sikap anaknya yang sejak lulus dari universiti, kalau tidak silap kiranya Cuma sekali sahaja dia pulang ke kampung. "Apa kerjanya sekarang, Kob?" tanya Pak Hamid. "Entah, sampai jenis kerja dan alamatnya pun tidak diberitahu," jawab Pak Akob, seperti orang merajuk lakunya. "Sampai emaknya kurus kering. Kalau macam ini, tak gunalah belajar tinggi-tinggi... Hairan juga dia mengapa Si Nordin anak Pak Akob, kini begitu sompong. Tidak disangka-sangka boleh jadi begitu kerana waktu kecil-kecil dahulu Si Nordin itu sungguh tertib, bertanggungjawab dan rajin... Pernah juga Pak Hamid mendengar daripada kawan-kawan Nordin kini sudah lupa daratan. Gaji pula sentiasa tidak mencukupi, walhal gajinya lebih daripada seribu ringgit..."

"Hati Yang Luhur 1980 Oleh Nazel Hashim"

Cerpen tersebut penulis menggambarkan tentang kehidupan masyarakat Melayu yang telah lupa diri dan pengorbanan orang tua dalam memberi bantuan kepada keluarganya sendiri. Menggunakan tema kejiranian yang menggambarkan jiran tetangga mengambil peluang untuk bertanyakan masalah yang sedang dihadapi oleh sekumpulan masyarakat adalah cara Nazel Hashim mengolah cerita berbentuk kejiranian. Menerusi cerita ini juga, Nazel Hashim turut menceritakan tentang konsep lupa diri yang dimiliki oleh watak Nordin anak kepada Pak Akob. Cerita berkaitan kejiranian yang digambarkan itu sebenarnya dikarang bagi menjelaskan masalah-masalah yang sering terjadi dalam kalangan jiran tertangga. Masalah-masalah tersebut ditimbulkan untuk menjelaskan bahawasanya di sekeliling masyarakat setempat terdapat kisah yang menyayat hati dan perlunya remaja mengambil iktibar di atas perkara yang terjadi di sekelilingnya untuk memastikan sikap lupa diri atau daratan dapat dielakkan. Selain itu juga, penulis menegaskan bahawasanya sikap sebegitu bukan sahaja memudaratkan diri dan masa depan tetapi penulis ingin menegaskan jika dengan keluarga sendiri pun mudah sahaja dilupa segala pengorbanan, bagaimana pula nanti dengan masyarakat sekeliling. Besar kemungkinan nilai perpaduan antara kaum lain turut dilupakan begitu sahaja jika adab tersebut tidak dijaga atau diambil kisah. Oleh itu, dapat disimpulkan secara ringkas penulis turut mengajar tentang

ajaran Islam yang mana wajib setiap manusia bertanggungjawab kepada keluarga mereka sendiri dan nilai itu harus menjadi model kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dan agama (Nasir Ramli 1996). Berdasarkan cerpen itu juga, sifat-sifat yang digambarkan oleh penulis tersebut adalah punca utama masyarakat tidak mampu untuk menghasilkan bentuk perpaduan dengan sempurna. Perpaduan akan tercapai jika masyarakat mempunyai nilai harga diri yang tinggi dan tidak mudah lupa dengan jasa pengorbanan masyarakat sekeliling. Kesemua nilai tersebut adalah satu benda yang penting untuk mengelak masyarakat Melayu tidak bercakap sesama mereka tentang keburukan yang telah dilakukan.

Berbeza pula dengan Ismail Sarbini menerusi cerita ‘Satu Hati’ yang digambarkan tentang konsep kejiranan berbentuk muhibah antara kaum. Kerjasama antara kejiranan yang disampaikan oleh penulis agak berbeza dengan Nazel Hashim, penulis menggambarkan cerita-cerita tentang kejiranan yang mempunyai komuniti yang sangat rapat seperti ahli keluarga terdekat sahaja. Komuniti yang bekerjasama antara satu sama lain adalah salah satu cara untuk melahirkan rasa cinta di antara satu sama lain. Berikut merupakan contoh petikan yang menggambarkan muhibah di antara kejiranan berbilang bangsa:

...Jalil tak dapat datang ke sekolah hari ini. Kasutnya hilang dicuri orang,” jelas Zaki lalu mengambil beg buku lalu disandang di belakangnya. “Kerja budak-budak penagih dadahlah tu,” sampuk Pak Cik Dolah. “Memang sejak kebelakangan ini makin banyak berlaku kecurian di kawasan kita.” ... “Kita mesti bertindak, bang. Tak boleh biarkan penagih-penagih dadah tu bermaharajalela. Mula-mula curi kasut dan basikal. Esok lusa, mereka akan masuk ke rumah pula,” ujar Mak Cik Munah... “Kami ambil keputusan untuk berkawal secara bergilir-gilir,” ujar Pak Cik Dolah. “Semua penduduk di sini mesti berkawal.” “Kalau saya ikut ayah berkawal, boleh tak... “Zaki, lihat di sana tu,” ucap Kumar tiba-tiba menarik tangan Zaki supaya berlindung di balik rimbunan pokok tebu di tepi jalan. “Ada apa?” tanya Zaki. “Saya nampak macam ada orang masuk ke kawasan rumah Lee Chin Chen. Setahu saya sejak semalam Lee Chin Chen sekeluarga balik ke Ipoh kerana datuknya meninggal dunia,” jawab Kumar... “Apa kita nak buat?” soal Pak Cik Arumugam. “Seorang pergi telefon polis. Seorang kawal pintu pagar dan yang lain serbuk ke dalam rumah itu,” jelas Pak Cik tan segera menyusun rancangan... Tidak lama kemudian sebuah kereta peronda polis tiba di situ. Mereka segera menyerahkan pencuri itu kepada polis. Ketigatiga orang pencuri itu telah dibawa pergi oleh polis. mereka berasa gembira kerana berjaya menangkap pencuri yang bermaharajala di kawasan taman perumahan mereka...

“Satu Hati 1996 Oleh Ismail Sarbini”

Menerusi petikan di atas, penulis menjelaskan satu bentuk cerita tentang satu komuniti itu menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi secara bersama-sama. Seperti yang dinyatakan kerjasama mula berlaku apabila komuniti mereka mula menghadapi masalah kecurian. Konsep kejiranan tersebut menurut Hamidah Abu Bakar (2014), keterlibatan kepimpinan antara komuniti ini akan melibatkan segala tindakan tanggungjawab sosial masyarakat setempat akan berlangsung di antara satu sama lain. Kepimpinan yang cuba disampaikan di sini juga adalah berkaitan dengan Rukun Tetangga. Rukun Tetangga adalah satu bentuk organisasi yang baik untuk mempelajari konsep kepimpinan. Menerusi Rukun Tetangga juga masyarakat akan dapat disatukan tanpa mengira kaum dan agama. Oleh itu, Ismail Sarbini menggunakan isu tersebut untuk mengarang dengan menunjukkan perpaduan tercusus apabila kerjasama antara orang dewasa dan remaja di kawasan perumahan mereka untuk menangkap pencuri. Kes kecurian telah dinyatakan oleh penulis berlaku secara berleluasa di kawasan tempat tinggal mereka. Kerjasama kumpulan remaja dan orang dewasa yang diwakili oleh kaum Melayu dan India telah diutarakan untuk menampakkan ciri perpaduannya. Menerusi cerpen itu juga, kepimpinan berlaku apabila arahan daripada watak Pak Cik Arumugam yang mengatur strategi untuk menangkap pencuri setelah berjaya mendapatkan maklumat daripada Zaki dan Kumar yang melihat kelibat orang asing di kawasan rumah Lee Chin Chen. Gandingan mereka sekumpulan yang sanggup meronda dan mencari pencuri membuktikan bahwasanya mereka semua hidup dalam keadaan harmoni. Keharmonian juga digambarkan oleh penulis bahwasanya mereka semua hidup berjiran tanpa

ada unsur prejudis. Perbezaan yang jelas di sini dapat diulas bahawasanya Nazel Hashim menggunakan tema kejiranan dengan menggunakan komuniti Melayu sahaja untuk menampakkan perpaduan, manakala Ismail Sarbini pula menggunakan komuniti Melayu, Cina dan India untuk menunjukkan perpaduan yang tercetus dalam kalangan kejiranan tertangga. Perbandingan ini bertepatan dengan kenyataan Sahlan Mohd. Saman (1986) yang menjelaskan skop batasan perbandingan adalah terlalu luas kerana ia meliputi pelbagai skop dan di antaranya ialah perbandingan masyarakat di dalam karya penulis. Perbandingan ke atas masyarakat berdasarkan cerpen yang bertemakan kejiranan itu adalah salah cara untuk menunjukkan perbezaan perpaduan dalam hidup berjiran yang ingin disampaikan oleh dua penulis tersebut.

Tema Persahabatan

Persahabatan merupakan satu bentuk nilai moral yang sering kali dikaitkan dalam kalangan remaja. Nilai persahabatan menjadi satu keperluan untuk para remaja membesar dengan baik. Tanpa persahabatan dunia awal remaja akan menjadi suram dan mereka mungkin tidak akan mempunyai memori yang indah bersama-sama teman. Oleh itu, pemilihan cerita yang bertemakan persahabatan telah menjadi satu bentuk keperluan dua penulis ini menukilangkan cerita-cerita berbentuk sedemikian. Titik persahabatan merupakan konsep kesopanan dan kesusilaan yang berjaya dikesan dalam cerpen mereka berdua. Perkara tersebut sebenarnya banyak mengajar remaja supaya sentiasa berbuat baik di antara satu sama lain. Rela berkorban dan hormat-menghormati adalah fokus utama penulis ingin sampaikan untuk menunjukkan persahabatan mampu melahirkan semangat cintakan manusia tanpa ada sikap perkauman. Persahabatan yang meliputi pelbagai kaum adalah pendekatan yang dibawa oleh mereka berdua untuk melahirkan perpaduan dalam karya masing-masing. Berbezanya pula dilihat bagaimana dua orang penulis ini menggarap cerita tentang persahabatan dalam kalangan remaja. Berikut merupakan contoh petikan cerpen Nazel Hashim yang bertajuk Orang Tua Dengan Ular;

Ah Meng dan Jasni terus bersembunyi di belakang pohon ibus di hutan kecapi itu. mereka telah mengekori orang tua itu sejak beberapa hari kebelakangan ini. Orang tua itu telah menimbulkan semacam syak wasangka dalam kepala Ah Meng dan Jasni...Ah Meng dan Jasni baru berpindah ke kampung itu. mereka belajar di sekolah yang sama. mereka tidak tahu latar belakang orang tua yang telah menarik perhatian mereka itu... "T...to...tolong!" Ah Meng memekik. Parang di tangan terlepas. Dia sudah tergolek di atas rumput kering. "Ular! Ular Sawa. Tolong!" Jasni juga hampir hilang akal. Dia lupa kepada orang tua itu. Ah Meng terus bergolek-golek dengan ular sawa itu. Jasni memberanikan hatinya mencapai parang. Jasni teragak-agak untuk menggunakan parang. Dia khuatir kalau ditetak ular itu, terkena pada badan Ah Meng. Sebaliknya dia terus berteriak meminta tolong. Sementara itu Ah Meng sudah hampir semput nafasnya dan remuk tulangnya akibat jerutan ular sawa...

"Orang Tua Dengan Ular 1982 Oleh Nazel Hashim"

Menerusi petikan tersebut Nazel Hashim menggambarkan bagaimana persahabatan terjalin antara bangsa Melayu dan Cina. Menggunakan watak remaja sekolah yang sebaya adalah cara penulis menyampaikan bagaimana persahabatan antara mereka berlaku. Kedua watak ini digambarkan bersekolah yang sama dan sentiasa bersama dalam melakukan sesuatu perkara adalah bentuk perpaduan yang cuba disampaikan oleh penulis. Disokong pula watak Jasni yang mempunyai semangat setia kawan yang tinggi dengan tidak mementingkan diri adalah contoh terbaik yang cuba ditunjukkan untuk berkawan dengan sesiapa sahaja. Penulis menegaskan watak Jasni yang sanggup membantu Ah Meng dalam kesusahan adalah satu perbuatan mulia tanpa ada sebarang prejudis. Bantuan yang diberikan itu adalah bukti bahawasanya perpaduan mampu dicapai berdasarkan titik persahabatan yang tinggi dan sanggup berkorban apa sahaja jika berlaku sesuatu. Berbeza pula dengan Ismail Sarbini menerusi cerpennya bertajuk 'Bukan Warna Kulit yang menggambarkan cerita masalah sosial remaja. Masalah tersebut amat kena dengan konsep hormat-menghormati sesama rakan dalam kalangan remaja sekolah. Cerpen tersebut mengisahkan tentang terjadinya sikap rasis dalam kalangan remaja sekolah. Sikap

diskriminasi kaum tersebut akan menghilangkan perasaan hormat-menghormati di antara satu sama lain. Sikap tersebut mampu mengundang seseorang itu untuk membenci antara satu sama lain dan pergaduhan mungkin akan tercetus jika diri dibenci atau dipandang hina oleh orang ramai. Berikut merupakan contoh petikan cerpen tersebut;

"Mengapa kulitku hitam?" Ramalingam tertanya-tanya di dalam hati sambil berdiri di hadapan cermin... salahkah aku berkulit hitam? Mengapa aku mesti diejek-ejek? Ramalingam terus bertanya-tanya. Dia segera terbayangkan Azman dan Chin Hock yang suka mengejeknya. "Tengok, tengok di sana. Budak hitam sudah datang!" jerit Azman sambil tepuk tangan. "Budak hitam kalau tersenyum nampak gigi saja!" sampuk Chin Hock pula... "Ramalingam terus mengejar Azman, sementara Chin hock telah berjaya keluar bilik dan kini terintai-intai dari balik pintu. Azman cuba melompat sebuah meja tetapi dia tersilap langkah lalu jatuh. Dahinya terhantuk bucu kerusi... "Azman..." Ramalingam turut terkejut apabila melihat darah di dahi Azman. Dia pun mengeluarkan sapu tangan lalu mengesat darah itu pada ketika itulah cikgu Rashid dan Hamidah sampai di situ. "Tadi Hamidah dan ceritakan semuanya kepada saya. Kenapa kamu berdua mengejek-ejek Lingam?" tanya Cikgu rashid sambil memandang Azman dan Chin Hock... "Kamu berdua ikut saya. Saya nak hadiahkan seorang satu rotan," kata Cikgu rashid. "Jangan, Cikgu. Jangan rotan mereka. Saya . . . saya maafkan mereka," kata Ramalingam tiba-tiba. "Ha, awak lihatlah Azman, Chin Hock. Ramalingam yang kamu ejek-ejek telah memaafkan kamu. Kulitnya saja hitam tapi hatinya putih bersih," kata Cikgu Rashid...

"Bukan Warna Kulit 1982 Oleh Ismail Sarbini"

Berdasarkan petikan tersebut, watak Ramalingam di lihat sebagai seorang yang tidak puas hati akibat dipulau oleh rakan-rakan mereka yang berlainan bangsa. Kepelbagaiannya bangsa dengan kerohanian anak-anak muda di sekolah telah digambarkan bahawa kaum Melayu, India dan Cina sama sahaja seperti anak-anak muda lain yang tidak terlepas daripada melakukan perbuatan yang tidak elok. Gambaran mengenai watak Ramalingam yang sering dibuli oleh rakan sekelas akibat warna kulitnya telah merasakan dirinya disisih oleh rakan-rakan yang lain. Akibat perbuatan buli tersebut, status hormat-menghormati di antara kaum telah tercaltar dalam kalangan remaja. Bagi menjernihkan keadaan tersebut, penulis menggambarkan satu kejadian yang tidak diingini telah berlaku yang mana telah menginsafkan kesemua remaja melalui perbuatan tersebut. Ramalingam yang dibuli telah menjadi watak penyelamat kepada rakan-rakannya yang lain daripada diberi hukuman oleh gurunya. Menerusi perbuatan tersebut, nilai harga diri dalam perhubungan mereka kembali pulih selepas guru mereka memberi nasihat bahawasanya manusia ini sama sahaja dan bukan warna kulit menjadi faktor untuk tidak menghormati di antara satu sama lain. Jelas di sini penulis ingin menunjukkan sifat kesabaran dan tidak berdendam dengan musuh merupakan nilai pengajarannya. Menurut Ibrahim Mamat (1993) tanpa ada sifat dendam dan menghormati orang yang pernah menjadi musuh merupakan satu teknik penyampaian terbaik untuk mewujudkan perpaduan di antara kaum walaupun masing-masing pernah membuat kesilapan. Oleh itu, perbandingan dua penulis ini dapat dibezakan cara mereka menggunakan watak remaja yang bersahabat dengan pelbagai kaum. Nazel Hashim menekankan bahawasanya persahabatan harus berkorban di antara satu sama dengan mengadai nyawa untuk menyelamatkan rakan baiknya itu, manakala Ismail Sarbini menjelaskan pengorbanan juga harus dilakukan walaupun diri sendiri telah dipermainkan untuk memastikan hubungan antara kaum sentiasa dijaga. Secara tidak langsung perbandingan ini bersesuaian dengan penjelasan dari Mohamad Ghazali Mat Salleh (1994) yang menjelaskan perbandingan boleh dilakukan berdasarkan pelbagai ilmu disiplin lain sebagai contohnya disiplin sosiologi. Berdasarkan dua teks cerpen tersebut disiplin sosiologi yang dapat dikaitkan adalah perbezaan tentang dua orang penulis memahami soal-soal kemanusiaan untuk melahirkan konsep perpaduan berdasarkan cerita yang bertemakan persahabatan. Perbezaan ini mungkin mengandungi pelbagai significance yang mana pelbagai kaedah atau cara mampu dibandingkan berdasarkan isi-isi karya mereka.

KESIMPULAN

Karya cerpen pasca 13 Mei 1969 merupakan karya yang sangat penting untuk proses pembentukan sahsiah dan jati diri para remaja. Lazimnya, untuk memilih sesebuah karya cerpen pada era pasca 13 Mei 1969 bukanlah satu kerja yang mudah. Terdapat banyak penulis yang menulis pada ketika itu sehingga terhasilnya banyak karya-karya yang menyentuh perasaan, sebak, hiba, suka, duka dan pelbagai lagi. Karya kreatif cerpen pada pasca 13 Mei mempunyai pelbagai versi dan penulisnya untuk kanak-kanak mahupun remaja. Pada tahun tersebut antara penulis yang paling menyerlah adalah Ismail Sarbini dan Nazel Hashim. Dua orang tokoh ini sememangnya layak diangkat sebagai tokoh penulis remaja kerana karya-karya mereka sememangnya mempunyai nilai estetika tersendiri dan menarik untuk para pelajar membacanya. Tambahan pula kedua orang tokoh ini adalah seorang guru yang sememangnya menulis banyak tentang cerpen remaja. Guru merupakan insan yang sangat istimewa kerana mereka adalah golongan yang bertanggungjawab untuk mendidik. Tanggugjawab sosialnya untuk mendidik telah menjadikan ia sebagai satu kelebihan kerana mereka lebih lagi tahu menangani dan berdepan dengan para pelajar.

Kedua orang penulis ini dipilih adalah kerana mereka mempunyai jiwa mendidik yang tinggi. Selain melihat kepada penyerahan mereka pada zaman tersebut dalam menghasilkan karya untuk remaja. Pemilihan dua orang penulis ini dilihat daripada penghasilan karyanya yang pelbagai jenis cerita. Sungguhpun mereka berdua menghasilkan genre yang sama, terdapat perbezaan di antara mereka berdua dalam menghasilkan karya tersebut. Perbezaan mereka ini adalah sesuatu yang unik jika diteliti betul-betul. Bagaimana perbezaan nilai moral berdasarkan tema yang diterapkan dalam cerpen mereka itu adalah kunci utama untuk melihat kekuatan penulis itu. Menerusi dasar kerajaan pada ketika itu, dua orang tokoh ini seringkali menggunakan dasar-dasar yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk menulis karya mereka. Iktutan dari dasar itu, dua orang penulis ini telah menjadikan karya mereka satu bentuk karya yang betul-betul memenuhi dasar perpaduan yang diseru oleh kerajaan. Oleh itu, jika diteliti kembali karya-karya mereka menerusi Rukun Negara yang kelima tersebut terdapat banyak nilai-nilai murni yang cuba disampaikan oleh mereka berdua. Nilai-nilai murni tersebut banyak memberi pendedahan kepada golongan remaja mengenai kehidupan bermasyarakat berlainan bangsa. Pendedahan tersebut sedikit sebanyak telah banyak membantu remaja dan masyarakat sekeliling sentiasa peka di atas perbuatan yang ingin dilakukan. Perbuatan-perbuatan yang melibatkan perkauman perlu dijaga dengan baik supaya tidak ada berlaku sebarang salah faham sehingga mampu merosakkan identiti negara. Berdasarkan perbezaan tema-tema cerita tersebut, dapat dijelaskan bahawa dua penulis berlatar belakangkan guru ini mempunyai ideologinya tersendiri dalam menyampaikan konsep nilai-nilai murni dalam karya masing-masing. Perbezaan inilah yang menjadikan mereka berdua unik dalam menonjolkan nilai perpaduan menerusi karya cerpen remaja dalam negara.

RUJUKAN

- Abdul Ahmad. (1992). *Cerpen-Cerpen Dewan Siswa 1983-1989: Suatu Kajian Motif Kesusastraan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Ahmad. (1991). *Sastera Remaja: Antara Ciri dan Fungsi*. Dewan Sastera Julai Hlm 10-13.
- Aldridge A. Owen. (1969). Comparative Literature: Mature and Method. Chicago. University of Illinois Press.
- B. Simandjuntak. (1979). *Latar Belakang Kenakalan Remaja*. Bandung alumni.
- Chin Yee Mun. (2006). *Malaysia & Ilmu, Persepsi, Integriti*. Petaling Jaya. Pearson Hall
- Hamdan Yahya. (1994). *Kesusasteraan Bandingan Beberapa Tanggapan dan Skop Daripada Perspektif Sejarah*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hamidah Abu Bakar. (2014). *Kepimpinan Rukun Tetangga: Satu Kajian Kes Di Kawasan Rukun Tetangga Kampung Malaysia Raya, Cheras Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Universiti Sains Malaysia.
- Ibrahim Mamat. (1993). *Kepimpinan Sekolah*. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman.
- Ismail Sarbini. (1982). *Bukan Warna Kulit*. Petaling Jaya. Fajar Bakti.
- Ismail Sarbini. (1996). *Kasih Alam*. Petaling Jaya. Fajar Bakti.
- Ismail Sarbini. (1989). *Melangkah Ke Jalan Damai*. Kuala Lumpur. Pustaka Mestika.
- Ismail Sarbini. (1996). *Satu Hati*. Petaling Jaya. Sasbadi.
- Mohamed Mustafa Ishak. (2014). *Politik Bangsa Malaysia Pembinaan Bangsa Dalam Masyarakat Pelbagai Etnik*. Kuala Lumpur. Institusi Terjemahan & Buku Malaysia.
- Muhammad Ridzuan Amin. (2009). *Masyarakat Majmuk Di Malaysia*. Subang Jaya: Mika Cemerlang.
- Nazel Hashim. (1979). *Misteri Di Pelabuhan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazel Hashim. (1980). *Hati Yang Luhur*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazel Hashim. (1981). *Kembali Jalan Yang Benar*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazel Hashim. (1982). *Orang Tua Dengan Ular*. Petaling jaya. Fajar Bakti.
- Nasir Ramli. (1996). *Aspek-Aspek Kepimpinan Dalam Karya Ismail Sarbini*. Universiti Putra Malaysia. Fakulti Pengajian Bahasa Moden.
- Othman Puteh, Abdul Ahmad. (1984). *Sekitar Sastera Kanak-Kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Isin. (2003). *Sejarah Kesusastraan Melayu moden Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sahidan Jaafar. (2019). *Rukun Negara Satukan Rakyat*. Utusan Malaysia. 21 Mac.
- Sahlan Mohd Saman. (1986). *Kesusasteraan Bandingan: Konsep Teori dan Amalan*. Petaling Jaya. Fajar Bakti.

